

Kes selewang RM9.62 juta

Pasangan kutip zakat MAIPk dalam talian

BERITA HARIAN

7/1/2024 11:58:14

Ipoh: Pasangan suami isteri yang ditahan berkaitan kes penyelewengan zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) sebanyak RM9.62 juta, disyaki menjalankan kutipan menerusi transaksi dalam talian.

Perkembangan itu disahkan Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri ketika ditanya mengenai modus operandi pasangan berkenaan ketika mengendalikan syarikat yang dilantik sebagai ejen kutipan

zakat MAIPk berkenaan.

"Talian sahaja," katanya ringkas ketika dihubungi semalam.

Pasangan suami isteri itu ditahan di ibu negara jam 12.35 tengah hari semalam.

Mohd Yusri dalam satu laporan semalam, berkata pasangan suami isteri itu berperanan sebagai ejen kutipan zakat dan bukan kakitangan mana-mana pusat pungutan zakat di negara ini.

Terdahulu, penyelewengan dilakukan ejen kutipan zakat

MAIPk itu didedahkan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf pada Khamis lalu.

Siasatan dibuat selepas sebuah syarikat yang dilantik sebagai ejen kutipan zakat MAIPk, diperlakukan gagal mendepositkan wang zakat bermula Mac hingga September 2023.

Ia adalah antara empat kes jenayah pecah amanah berkait kutipan zakat sepanjang tahun

lalu dengan jumlah keseluruhan kerugian RM9.71 juta.

Mengulas lanjut, Mohd Yusri berkata, pasangan suami isteri berusia 50 dan 53 tahun itu direman selama tujuh hari bermula hari ini, mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

Katanya, penahanan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman bersama JSJK Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak, bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 409

Nasional
Suami isteri kes selewang zakat RM9.62 juta ditahan



Keratan akbar BH, semalam.

Kanun Keseksaan iaitu kerana jenayah pecah amanah.

"Penahanan dibuat adalah hasil pendedahan penyelewengan itu menerusi laporan polis yang dibuat oleh MAIPk sendiri kepada polis kontinjen Perak," katanya.

MAIPk setakat ini tidak memberi sebarang kenyataan berkaitan kes itu.